



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2014/07/58 (HQ)

PASUKAN TEKNIKAL TNB DIKERAKHAKAN KE LOKASI TANAH MENDAP

Pasukan Teknikal Tenaga Nasional Berhad (TNB) dikerahkan ke lokasi untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang tidak diingini akibat tanah mendap di simpang empat Jalan Imbi semalam, kata Pengurus Besar Kanan Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi TNB Datuk Ir. Mohd Aminuddin Mohd Amin.

Menurutnya, sehingga kini tiada kerosakan dialami kabel elektrik bawah tanah di kawasan mendapan tanah tersebut.

"Bekalan elektrik di sekitar kawasan kejadian juga tidak terjejas. Sekiranya perlu, TNB akan mengambil tindakan sewajanya demi keutuhan sistem dan kepentingan pelanggan-pelanggan kami," katanya lagi.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 3 Julai 2014

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Md Derus Bunchit (019-2662296) atau Maizatul Nadiah Saadon (017-3816602)
e-Mel: media@tnb.com.my*